

Kepemimpinan

Anwar terus

19 SEP 1986

diterima: Dr M

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kejayaan Encik Anwar Ibrahim mengekalkan jawatan Ketua Pemuda Umno menunjukkan lebih ramai perwakilan terus

menerima kepemimpinan beliau.

Katanya keputusan itu harus diterima oleh semua pihak dengan hati terbuka.

Beliau juga menolak anggapan bahawa pertandingan antara

Encik Anwar dan Syed Hamid Albar itu adalah pertandingan *proxy*.

Menurut Perdana Menteri beliau amat gembira kerana pertandingan itu berjalan dalam suasana meriah dan persahabatan.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan bagi Umno menang atau kalah tidak menjadi soal kerana semuanya ahli Umno.

"Hasrat Umno ialah perjuangannya diteruskan," katanya ketika diminta mengulas kemenangan Encik Anwar semalam.

Katanya perbezaan pendapat di kalangan ahli Umno adalah perkara biasa dalam mana-mana masyarakat.

"Yang penting Umno dapat berjalan dengan berkesan," tegasnya.

Menteri Besar Kedah, Datuk Paduka Haji Osman Arof, pula menganggap kemenangan Encik Anwar sebagai penerimaan perwakilan terhadap kepemimpinannya.

Beliau berharap Pemuda Umno dapat meningkatkan usaha dan perpaduan bagi melaksanakan segala aspirasi dan perjuangannya dengan jaya dan berkesan.